

ATURAN URUSAN MESYUARAT

<http://www.sabah.gov.my/dun>

ISNIN, 20 APRIL 2009, JAM 10:00 PAGI

Bil. 02

PERTANYAAN-PERTANYAAN UNTUK JAWAPAN LISAN

1. **Y.B. Datuk Haji Ramlee Marahaban [Bugaya]** bertanya kepada KETUA MENTERI, berikutan dengan masalah penutupan bangunan di Hospital Queen Elizabeth, apakah tindakan jangka pendek dan jangka panjang oleh kerajaan bagi memulihkan perkhidmatan perubatan seperti sedia kala di hospital berkenaan.
2. **Y.B. Datuk Samsudin Yahya [Sekong]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, apakah tindakan dan langkah kerajaan dalam memantapkan mekanisme dan pemantauan program-program pembasmian kemiskinan yang digerakkan oleh pelbagai jabatan dan agensi di negeri ini bagi memastikan pelaksanaannya lebih bersepadu dan sinergi untuk dimanfaatkan oleh kumpulan sasar seperti KIRMT.
3. **Y.B. Tuan Johnny Goh (Inanam)** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, berapa banyak jalan raya di kawasan DUN Inanam yang disenaraikan untuk kelulusan diberi penurapan ataupun dinaiktarafkan.
4. **Y.B. Tuan Kamarlin Haji Ombi [Lumadan]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, apakah langkah-langkah dan tindakan sama ada masa panjang dan pendek untuk mengatasi masalah kekerapan banjir di Daerah Beaufort, kawasan Dewan Undangan Negeri N.27 dan N.25 Klias.
5. **Y.B. Datuk Haji Mohd. Arifin Bin Mohd. Arif [Membakut]** bertanya kepada MENTERI KEWANGAN, setakat manakah Sabah mendapat faedah dari bajet rangsangan kedua yang dibentangkan oleh YAB Menteri Kewangan Malaysia baru-baru ini dan apakah jenis pembangunan yang difokuskan oleh kerajaan dari bajet sejumlah 1 bilion yang telah disalurkan oleh Kerajaan Pusat menerusi HDO baru-baru ini.
6. **Y.B. Puan Melanie Chia Chui Ket (Luyang)** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN HAL EHWAL PENGGUNA, apakah tindakan kerajaan setakat ini bagi menangani masalah ibu-ibu tunggal yang berpendapatan rendah, yang tidak mempunyai pekerjaan tetap dan yang tidak mempunyai pekerjaan, sedangkan ibu-ibu tunggal ini terpaksa menanggung beban sara hidup keluarga.
7. **Y.B. Datuk Liew Teck Chan [Likas]** bertanya kepada MENTERI BELIA DAN SUKAN, apakah jenis-jenis program yang melibatkan belia-belia dan apakah pencapaian serta sambutan daripada belia-belia negeri ini dan berapakah jumlah peruntukan akan disediakan oleh kementerian untuk jenis-jenis program tersebut.

8. **Y.B. Datuk Hajah Hamisa Binti Samat [Tanjong Batu]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN, apakah usaha kementerian untuk menyelaraskan kursus-kursus usahawan supaya tidak berlaku pertindihan antara pihak bank dan agensi kerajaan yang mengeluarkan pinjaman seperti Bank Pembangunan, Bank Industri Kecil dan Sederhana (SME), Tabung Ekonomi Usahawan Niaga (TEKUN) dan MARA.
9. **Y.B. Datuk Haji Mohd. Arifin Bin Mohd. Arif [Membakut]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN SUMBER DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, sejauh manakah kesan e-Desa yang telah diwujudkan di beberapa kampung terhadap kesedaran IT dan budaya penguasaan maklumat yang tepat dan apakah cara kerajaan memantau perjalanan e-Desa agar ia dapat berjalan dengan lancar dan dapat dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat.
10. **Y.B. Datuk Haji Syed Abas Syed Ali [Balung]** bertanya kepada MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR, apakah kesan krisis ekonomi semasa terhadap pelancongan di Negeri Sabah dan apakah program yang disusun oleh kerajaan dalam menarik pelancong di Sabah.
11. **Y.B. Datuk Samsudin Yahya [Sekong]** bertanya kepada MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN, tidakkah kerajaan bercadang untuk memberikan insentif bagi meringankan beban rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah-rumah kos rendah, memandangkan peningkatan kos bahan binaan dan harga rumah yang semakin melambung.
12. **Y.B. Tuan Dr. Joachim Gunsalam [Kundasang]** bertanya kepada MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR, adakah Jabatan Pelajaran Negeri Sabah pernah membuat kajian tentang kesan pembelajaran Bahasa KadazanDusun di sekolah-sekolah di Negeri Sabah yang dikatakan tidak menggambarkan ketulenan bahasa tersebut.
13. **Y.B. Datuk Samsudin Yahya [Sekong]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, apakah langkah kerajaan untuk menangani isu EU Standard dan EC 1831 terutama berkaitan aspek vessel perikanan, pusat pendaratan, pemprosesan, penyimpanan dan produk seaweed dan seterusnya menggalakkan penerimaan dan amalan standard HACCP, GMP, QAP, GAqP dan standard-standard berkaitan.
14. **Y.B. Datuk Haji Ramlee Marahaban [Bugaya]** bertanya kepada MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR, bolehkah pihak Jabatan Pelajaran Sabah menjelaskan kadar pencapaian pendidikan Daerah Semporna sejak 10 tahun lalu dalam peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM dan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi meningkatkan pencapaian pelajar-pelajar di Daerah Semporna.
15. **Y.B. Datuk Haji Syed Abas Syed Ali [Balung]** bertanya kepada MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN, berapa banyakkah rumah Mesra Rakyat (PMR) dan rumah di bawah SPNB yang telah dibina di Negeri Sabah.

16. **Y.B. Datuk Haji Mohd. Arifin Bin Mohd. Arif [Membakut]** bertanya kepada MENTERI BELIA DAN SUKAN, apakah kerajaan akan membuat kajian tentang keberkesanan program rakan muda dan apakah program berkaitan yang dibuat oleh kerajaan terhadap remaja/belia di pusat pengajian tinggi dan kolej-kolej swasta.
17. **Y.B. Tuan Masiung Banah [Kuamut]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN SUMBER DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, apakah kerajaan merancang untuk mengurangkan perbezaan/jurang digital di antara bandar dan luar bandar, dengan membina menara-menara telekomunikasi seperti menara Celcom dan Digi supaya kawasan luar bandar boleh dihubungi melalui telefon.
18. **Y.B. Puan Melanie Chia Chui Ket (Luyang)** bertanya kepada KETUA MENTERI, apakah inisiatif kerajaan untuk memerangi masalah setinggan yang terdapat di kawasan Bandaraya Kota Kinabalu supaya dapat mencapai matlamat tanpa setinggan sebelum tahun 2010 dan apakah rancangan bagi menempatkan semula penduduk setinggan yang berwarganegara Malaysia.
19. **Y.B. Tuan Teo Chee Kang [Tanjong Kapor]** bertanya kepada KETUA MENTERI, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi atau melegakan masalah yang disebabkan oleh pengosongan blok 8 tingkat di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu.
20. **Y.B. Tuan Dr. Joachim Gunsalam [Kundasang]** bertanya kepada KETUA MENTERI, apakah perkembangan terkini mengenai masalah Queen Elizabeth Hospital dan apakah yang telah, sedang dan akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini.
21. **Y.B. Puan Melanie Chia Chui Ket (Luyang)** bertanya kepada KETUA MENTERI, apakah tindakan yang mendesak untuk menyelesaikan masalah perkhidmatan perubatan awam yang dalam keadaan huru-hara sedang berlaku di Kota Kinabalu disebabkan penutupan 'tower block' di Hospital Queen Elizabeth.
22. **Y.B. Datuk Hajah Hamisa Binti Samat [Tanjong Batu]** bertanya kepada KETUA MENTERI, apakah pembelajaran dan bantuan diberikan kepada orang yang memeluk agama Islam supaya tidak murtad sehingga kembali kepada agama asal.
23. **Y.B. Tuan John Teo Mau Sing [Kuala Penyu]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, adakah program kerajaan untuk:-
 - i) Membersihkan sungai dan parit untuk tahun 2009 dan sekiranya ada apakah nama sungai-sungai dan parit-parit tersebut; dan
 - ii) Berapakah sungai dan parit yang telah diselenggara pada tahun 2008 dan apakah nama sungai-sungai dan parit-parit tersebut.
24. **Y.B. Tuan Masiung Banah [Kuamut]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, sejauh manakah perancangan kerajaan untuk melaksanakan Program Agro-Politan di Daerah Tongod.

25. **Y.B. Tuan Johnny Goh (Inanam)** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, adakah kerajaan akan melakukan kerja penurapan Jalan Tampulan-Telipok dan berapakah jumlah peruntukan kewangan yang diberikan.
26. **Y.B. Datuk Haji Ramlee Marahaban [Bugaya]** bertanya kepada MENTERI KEWANGAN, berapakah jumlah bilangan syarikat-syarikat atau agensi-agensi kerajaan pada masa ini dan berapakah yang membuat keuntungan dan yang mengalami kerugian.
27. **Y.B. Tuan Haji Abdul Muis Haji Picho [Sebatik]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, apakah pihak kementerian yakin misi kerajaan untuk mencapai kemiskinan tergar sifar pada tahun hadapan (2010) boleh dicapai dan apakah pula langkah-langkah yang bakal diambil untuk merealisasikannya.
28. **Y.B. Tuan Dr. Joachim Gunsalam [Kundasang]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, adakah 'Subsidi Beras Nasional' benar-benar membantu kumpulan sasarannya iaitu golongan yang miskin dan tidak mampu dan bagaimanakah kementerian memantau dan memastikan bahawa ia benar-benar menuju ke kumpulan sasar.
29. **Y.B. Tuan Haji Ahmad Haji Bujang [Sindumin]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, sejauh manakah langkah kerajaan untuk mengaktifkan penanaman padi secara menyeluruh sudah dilaksanakan dan jika sudah apakah harapan kerajaan untuk mencapai matlamat mengurangkan pengimportan beras dari luar negara.
30. **Y.B. Tuan Saddi bin Haji Abdu Rahman [Sukau]** bertanya kepada MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR:-
- i) Apakah usaha Kementerian Pelancongan Alam Sekitar dalam membendung/menangani masalah para kontraktor menuai sarang burung di Gua Gumantong yang mengupah pekerja di kalangan PTI/warga asing; dan
 - ii) Berapa pula pekerja tempatan yang telah diberi peluang oleh para kontraktor tersebut.
31. **Y.B. Tuan Nilwan bin Kabang [Kunak]** bertanya kepada KETUA MENTERI:-
- i) Apakah tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan bagi menangani masalah pertikaian antara pihak Koperasi dan pemegang PT yang telah berlaku di kawasan Tingkayu, Kunak;
 - ii) Apakah benar seperti apa yang telah dituntut oleh pihak Koperasi berkenaan dengan kawasan tanah Tingkayu adalah milik mereka.

32. **Y.B. Datuk Liew Teck Chan [Likas]** bertanya kepada KETUA MENTERI tentang kemajuan SDC seperti berikut:-
- i) Berapakah jumlah projek yang sedang dilaksanakan; dan
 - ii) Berapakah jumlah peruntukan yang telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan setakat ini.
33. **Y.B. Tuan Au Kah Wah [Elopura]** bertanya kepada MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN, berapakah bilangan rumah setinggan yang diduduki oleh orang tempatan pada masa kini dan apa strategi telah dirancang untuk mencapai matlamat kerajaan setinggan sifar di Negeri Sabah menjelang tahun 2010.
34. **Y.B. Datuk Haji Syed Abas Syed Ali [Balung]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, berapa luaskah tanah terbiar dan tanah baru yang telah dibuka untuk penanaman bagi menambah hasil padi di Sabah.
35. **Y.B. Tuan Teo Chee Kang [Tanjong Kapor]** bertanya kepada KETUA MENTERI:-
- i) Apakah status penempatan penduduk-penduduk kampung dan pemindahan kuburan akibat Projek Empangan Milau, Kudat; dan
 - ii) Apakah langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk mempercepatkan proses tersebut untuk mengatasi masalah bekalan air di Daerah Kudat.
36. **Y.B. Datuk Zakaria Haji Mohd. Edris [Gum-Gum]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, apakah langkah-langkah kementerian untuk membantu dalam menyediakan khidmat sokongan kepada pengusaha yang serius untuk mengembangkan perniagaan dalam sektor pertanian dan perikanan.
37. **Y.B. Datuk Mohd. Suhaili bin Hj. Said [Tungku]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, apakah langkah pihak kementerian untuk meningkatkan rumah-rumah penjemuran rumpai laut di Tungku dan usaha untuk meningkatkan harga rumpai laut yang terjejas.
38. **Y.B. Datuk Louis Rampas [Kiulu]** bertanya kepada KETUA MENTERI, berapakah sebenarnya jumlah peruntukan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi yang akan diterima oleh kerajaan negeri dan apakah jenis projek-projek yang akan dilaksanakan di bawah peruntukan tersebut agar rakyat kawasan luar bandar dapat menikmati kesan positif pakej tersebut.
39. **Y.B. Tuan Justin Guka [Bingkor]** bertanya kepada KETUA MENTERI, apakah dasar atau polisi kerajaan untuk menangani masalah-masalah yang diutarakan oleh ADUN-ADUN sama ada berbentuk soalan kepada Menteri mahupun dalam perbahasan semasa Sidang Dewan.

40. **Y.B. Puan Anita Baranting [Tandek]** bertanya kepada MENTERI KEWANGAN, bilakah kerajaan akan membuka semula lesen PKK, lesen F kepada kaum bumiputera yang ingin berkecimpung dalam perniagaan.
41. **Y.B. Tuan Sarapin Magana (Matunggong)** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, bilakah pihak JKR memperbaiki jalan yang hampir putus dan membahayakan pengguna di Kilometer 51.5 (dalam kawasan Kg. Toporoi, Matunggong) Jalan Kudat - Kota Kinabalu.
42. **Y.B. Tuan Jimmy Wong Sze Phin [Sri Tanjung]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, berapakah jumlah penduduk miskin tegar di Tawau.
43. **Y.B. Tuan John Teo Mau Sing [Kuala Penyu]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, apakah punca gangguan-gangguan bekalan elektrik di kawasan Daerah Kecil Menumbok dan apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi masalah gangguan ini pada masa-masa akan datang.
44. **Y.B. Tuan Johnny Goh (Inanam)** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, sama ada kementerian mempunyai rancangan untuk menaik taraf Jalan Kionsom Inanam bagi menampung masalah kesesakan jalan akibat pembangunan perumahan yang pesat di kawasan Pekan Inanam.
45. **Y.B. Tuan Haji Abdul Muis Haji Picho [Sebatik]** bertanya kepada KETUA MENTERI, apakah pendirian kerajaan berhubung isu kanak-kanak yang tidak mempunyai sijil lahir dan bagaimanakah kerajaan hendak membantu mereka.
46. **Y.B. Tuan Haji Ahmad Haji Bujang [Sindumin]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, apakah rancangan dan langkah-langkah kerajaan untuk menangani dan mengurangkan masalah banjir akibat daripada pengurusan hutan dan penanaman kelapa sawit, kayu palpa dan juga getah yang tidak terkawal.
47. **Y.B. Tuan Saddi bin Haji Abdu Rahman [Sukau]** bertanya kepada KETUA MENTERI, apakah langkah kerajaan khususnya Jabatan Hal Ehwal Agama Islam menangani masalah pembinaan Masjid Daerah Kinabatangan yang belum siap dengan sepenuhnya dan yang sepatutnya siap pada April, 2007.
48. **Y.B. Tuan Nilwan bin Kabang [Kunak]** bertanya kepada MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR, apakah tindakan pihak kementerian bagi mengatasi dan menangani masalah tuntutan waris hak pengambilan sarang burung di Gua Madai yang telah sekian lama berlarutan sedangkan nama mereka tidak termasuk dalam senarai nama PEWARIS dan setiap tahun ada sahaja kes tuntutan waris yang dikendalikan di Daerah Kunak.

49. **Y.B. Datuk Liew Teck Chan [Likas]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR:-
- i) Berapakah jumlah Rumah PPRT yang telah dilaksanakan di Sabah sejak tahun 2004 hingga 2008 mengikut daerah; dan
 - ii) Berapakah jumlah kemiskinan tegar yang masih ada di Sabah sekarang dan adakah kerajaan dapat mencapai Sasaran Miskin Tegar Sifar pada tahun 2010.
50. **Y.B. Tuan Au Kah Wah [Elopura]** bertanya kepada KETUA MENTERI, sama ada Kerajaan Negeri Sabah telah membuat keputusan untuk membatalkan cadangan Projek Jana Kuasa Arang Batu di Sandakan.
51. **Y.B. Datuk Haji Surady Kayong [Sugut]** bertanya kepada KETUA MENTERI, adakah kerajaan sedar kegiatan orang-orang tertentu memalsukan kelulusan pembaharuan RSP/SP yang sedang berleluasa di kawasan DUN Sugut. Kalau sedar apakah langkah untuk mengatasinya dan tindakan yang diambil terhadap mereka yang terlibat.
52. **Y.B. Datuk Louis Rampas [Kiulu]** bertanya kepada KETUA MENTERI:-
- i) Apakah projek-projek yang sudah mula/sedang dilaksanakan di bawah Pembangunan Koridor Sabah dan berapakah peruntukan yang sudah dibelanjakan untuk projek-projek tersebut; dan
 - ii) Berapa banyakkah peluang-peluang pekerjaan dan jenis pekerjaan yang akan wujud apabila projek-projek tersebut siap kelak.
53. **Y.B. Tuan Justin Guka [Bingkor]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, kenapakah kerajaan tidak mengambil tindakan untuk mengaspal enam (6) batang jalan penting dalam kawasan DUN N.33 Bingkor seperti berikut:-
- i) Kg. Kuangoh – Ke. Baru-Kg. Berungis-Kg. Lipasu-Kandang Besar ke Gua Laing;
 - ii) Jalan Kg. Liau Darat-Kg. Liau Ulu ke Kg. Bunga Raya;
 - iii) Kg. Gasabon – Kg. Pangas Ulu;
 - iv) Kg. Mongitom-Kg. Bunga Raya;
 - v) Jalan Kg. Dangulad-Kg. Tuarid Taud,
 - v). Kg. Tigot-Kg. Baginda.
54. **Y.B. Puan Anita Baranting [Tandek]** bertanya kepada KETUA MENTERI, bilakah penyukatan tanah di kawasan DUN N.5 Tandek dimulakan oleh juruukur swasta.
55. **Y.B. Tuan Jimmy Wong Sze Phin [Sri Tanjung]** bertanya kepada MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN, dimanakah botol-botol kaca di kawasan Majlis Perbandaran Tawau yang tidak dipungut oleh kontraktor sampah dibuang.

56. **Y.B. Tuan John Teo Mau Sing [Kuala Penyu]** bertanya KETUA MENTERI, adakah cadangan kerajaan untuk membuat semula rumah-rumah ibadah khasnya Masjid di Kampung Kitang dan Kampung Tanjung Aru.
57. **Y.B. Tuan Saddi bin Haji Abdu Rahman [Sukau]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, bilakah Loji Air Pusat Pertumbuhan Desa Sukau (PPD) yang dibina sekian lama oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah melalui FELCRA boleh digunakan.
58. **Y.B. Tuan Au Kah Wah [Elopura]** bertanya kepada MENTERI KEWANGAN, jumlah RM1.2 billion dari RM6 billion dalam Mini Budget yang diumumkan pada 10 Mac 2009 telah diperuntukkan untuk pembangunan Negeri Sabah dan Sarawak, maka berapa jumlah sebenarnya yang diperuntukkan serta projek-projek pembangunan yang dirangkumi khas untuk Negeri Sabah sahaja dalam Mini Budget ini.
59. **Y.B. Datuk Louis Rampas [Kiulu]** bertanya kepada KETUA MENTERI, apakah tidak sesuai dan tiba masanya kawasan perniagaan pasar UNHCR di hadapan Hotel Le Meridian diambil alih oleh peniaga-peniaga tempatan untuk membolehkan peniaga-peniaga tempatan berniaga di kawasan yang strategik dan memperoleh pendapatan yang lebih lumayan.
60. **Y.B. Tuan Justin Guka [Bingkor]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR:-
- i) Apakah dasar yang diamalkan oleh kerajaan berhubung kerosakan jambatan dalam bandar yang telah jatuh akibat hakisan banjir sungai sejak 10 tahun lalu dan belum lagi diganti atau dibaiki pulih sampai hari ini; dan
 - ii) Kenapa jambatan konkrit Sungai Beriawa di Tamu Ground Keningau, laluan antara Tamu Ground Bandar Keningau – ke Sekolah SMK Gunsanad 1 yang jatuh sejak 10 tahun lalu dan belum lagi diganti dengan jambatan konkrit baru.
61. **Y.B. Puan Anita Baranting [Tandek]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI/ MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, kenapakah harga pembelian getah di Semenanjung Malaysia dan di Negeri Sabah begitu besar perbezaannya dan adakah kerajaan berhasrat memperseimbangkannya.
62. **Y.B. Tuan Jimmy Wong Sze Phin [Sri Tanjung]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN HAL EHWAL PENGGUNA, adakah kementerian telah menjalankan siasatan berhubung kenaikan harga ikan secara mendadak di Tawau kebelakangan ini.
63. **Y.B. Datuk Hajah Hamisa Binti Samat [Tanjong Batu]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, adakah pihak kementerian bercadang untuk membekalkan baja organik kepada para petani sebagai baja alternatif kepada baja kimia pada masa akan datang.

64. **Y.B. Tuan Nilwan bin Kabang [Kunak]** bertanya kepada KETUA MENTERI, bilakah pihak kerajaan dapat membina sebuah Ibu Pejabat Polis Daerah Kunak yang baru.

Soalan-soalan yang tidak sempat dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis.

RISALAH-RISALAH MESYUARAT YANG DIBENTANGKAN

		<i>Tarikh Diterima</i>	<i>Tarikh dibentang</i>
S 1 Tahun 2009	Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2007.	11.12.2008	20.04.2009
S 2 Tahun 2009	Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2007.	11.12.2008	20.04.2009
S 3 Tahun 2009	Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Lembaga Pelancongan Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2007.	11.12.2008	20.04.2009
S 4 Tahun 2009	Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Lembaga Sukan Negeri Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2007.	11.12.2008	20.04.2009
S 5 Tahun 2009	Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2007.	11.12.2008	20.04.2009
S 6 Tahun 2009	Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2007.	11.12.2008	20.04.2009
S 7 Tahun 2009	Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2007.	11.12.2008	20.04.2009
S 8 Tahun 2009	Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (KO-NELAYAN) bagi tahun berakhir 31 Disember 2007.	11.12.2008	20.04.2009

RISALAH-RISALAH MESYUARAT YANG DIBENTANGKAN (Sambungan)

Tarikh Diterima *Tarikh dibentang*

S 9 Tahun 2009	Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2006.	<i>19.12.2008</i>	<i>20.04.2009</i>
S 10 Tahun 2009	Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Majlis Ugama Islam Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2006.	<i>16.02.2009</i>	<i>20.04.2009</i>
S 11 Tahun 2009	Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Lembaga Industri Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2006.	<i>26.02.2009</i>	<i>20.04.2009</i>
S 12 Tahun 2009	Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2007.	<i>26.02.2009</i>	<i>20.04.2009</i>